

## KENYATAAN AKHBAR

### PENGGUNA DINASIHATKAN UNTUK MENGELOAKKAN DARI MENGGUNA PRODUK-PRODUK KOSMETIK YANG DIKESAN MENGANDUNG RACUN BERJADUAL

Orang awam dinasihatkan untuk mengelakkan daripada membeli dan menggunakan produk-produk kosmetik berikut:

Bil	Nama Produk	Nombor Notifikasi	Racun Berjadual Yang Dikesan	Nama Pemegang	Nama Pengilang
1	ZARA REJUVENATION CREAM	NOT04081873KE	Hydroquinone	MUM BIO COS MANUFACT URING SDN BHD	MUM BIO COS SDN BHD
2	BEAUTY LINE BEAUTITUDE MULTI-PURPOSE CREAM	NOT081201209K	Tretinoin	BEAUTY LINE SKIN CARE & COSMETIC SDN BHD	YAKIN INVEST CORPORATION SDN BHD
3	PIGMENTATION RECOVERY COMPLEX	NOT081200745K	Tretinoin	MYCREME SKIN CARE PRODUCTS	SKY RESOURCES SDN BHD

Notifikasi produk-produk tersebut telah dibatalkan oleh Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi berikutan pengesanan Racun Berjadual sama ada mengandungi **tretinoin** dan/atau **hydroquinone** di dalam produk tersebut.

Penggunaan tretinoin dan hydroquinone adalah tidak dibenarkan di dalam produk kosmetik kerana ianya boleh membawa kesan sampingan kepada pengguna sekiranya digunakan tanpa nasihat doktor.

Tretinoin boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, kulit mengelupas dan hipersensitif kepada cahaya matahari.

Manakala hydroquinone boleh menyebabkan kemerahan pada kulit yang disapu, ketidakselesaan, perubahan warna kulit malah kulit menjadi hipersensitif. Kesan dari penggunaan hydroquinone boleh menghalang proses pigmentasi (dipigmentasi). Proses dipigmentasi mengurangkan perlindungan ke atas kulit daripada pancaran ultra ungu

dan sinaran matahari berlebihan yang boleh memberi risiko kanser kulit. Dipigmentasi berlebihan berbahaya kepada penduduk yang tinggal di kawasan iklim tropika.

Sesiapa yang mempunyai stok produk di atas dinasihatkan menghentikan penjualan/ pengedaran/penggunaan produk tersebut dengan serta-merta. Penjual adalah diingatkan pemilikan produk-produk ini melanggar Peraturan-Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Individu yang melakukan kesalahan di bawah Peraturan-Peraturan ini boleh dikenakan hukuman denda tidak melebihi RM25,000 atau penjara tidak melebihi 3 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan pertama dan denda tidak melebihi RM50,000 atau penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya untuk kesalahan-kesalahan berikutnya. Syarikat yang melakukan kesalahan boleh dikenakan denda sehingga RM50,000 untuk kesalahan pertama dan denda sehingga RM100,000 untuk kesalahan berikutnya.

**Pengarah Kanan Perkhidmatan Farmasi  
Kementerian Kesihatan Malaysia**

12 Mei 2010